

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

1. Terangkan status terkini tentang projek naik taraf pembesaran Masjid Cherok To'kun atas yang sering disebut oleh Mantan YB. Permatang Pasir Datuk Mohd Salleh Man.
 - (a) Apakah masalah atau halangan yang menyebabkan Projek tersebut tidak dapat dilaksanakan sehingga kini?
 - (b) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam menyuburkan syiar Islam di negeri Pulau Pinang?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. (a) Status terkini projek menaik taraf Masjid Cherok To'kun atas adalah di peringkat pengambilan balik tanah. Projek ini tidak menghadapi sebarang masalah atau halangan besar kecuali tempoh masa yang diambil dalam proses pengambilan balik tanah. Proses pengambilan balik tanah kini berada di peringkat pewartaan di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960.
 - (b) Semua program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) adalah merupakan usaha dalam menyuburkan serta memperkasa syiar Islam. Ianya diterjemahkan melalui program-program yang berteraskan usaha dakwah, di antaranya seperti usaha dakwah, di antaranya seperti berikut:
 - (i) Pelaksanaan program Bulan-Bulan Al-Quran.
 - (ii) Program pembangunan saudara baru.

- (iii) Program Pemantapan Sahsiah Remaja Islam dan
- (iv) Bengkel Keluarga Sakinah.

Fokus juga turut diberikan kepada program yang berteraskan pendidikan antaranya adalah seperti berikut :-

- (i) Majlis Ijtimak Huffaz.
- (ii) Program Celik Undang-undang Keluarga Islam.
- (iii) Seminar Pencegahan Jenayah Syariah dan
- (iv) Program Tahsin Al-Quran.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) juga menyediakan peruntukan tahunan bagi membiayai kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf infrastruktur masjid, surau dan Institusi pengajian agama mengikut permohonan dan keperluan semasa. Manakala di peringkat qariah masjid, peruntukan juga disalurkan bagi melaksanakan program-program pengimarahannya masjid dan surau.